

28 AUG 2001

TAIB MAHMUD JUMPA PERDANA MENTERI HARI INI

PUTRAJAYA, 28 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengadakan perjumpaan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Mengikut sumber-sumber rasmi, pertemuan itu diadakan pada 2 petang dan berlangsung selama satu jam.

Menurut sumber-sumber itu perjumpaan itu diadakan atas permintaan Taib selaku Pengerusi Barisan Nasional Sarawak.

Sebelum ini, Taib berkata beliau akan menemui Perdana Menteri sekembalinya Dr Mahathir daripada lawatan ke Yemen dan Uganda bagi mengemukakan senarai nama calon Barisan Nasional untuk pilihan raya negeri yang perlu diadakan sebelum 18 Nov ini.

Pada pilihan raya negeri yang lepas pada 1996, BN memenangi 58 daripada 62 kerusi yang dipertandingkan, termasuk 18 kerusi yang dimenangi tanpa bertanding.

-- BERNAMA

AT AHH MAI